

Resolusi 2021: Ubah mentaliti kita

KAMARUDDIN M. RIPIN



TAHUN 2020 secara langsung dan tidak langsung meninggalkan kesan mendalam kepada masyarakat dunia berikutan pandemik Covid-19. Justeru, 2021 diharapkan menjadi lebih positif bukan hanya dalam mengharungi cabaran fasa pemulihan pandemik ini, malah untuk merealisasikan matlamat dan harapan individu untuk menjadi lebih cemerlang yang dicorak sempena tahun baharu.

Setiap individu sudah tentu mempunyai azam dan matlamat tersendiri yang ditetapkan sebagai resolusi tahun baharu dengan harapan ia akan membawa fajar baharu dalam kehidupan. Di samping memberi keutamaan kepada matlamat peribadi, kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara juga perlu diutamakan.

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa yang hidup harmoni dan aman. Masyarakat pelbagai etnik hidup bersatu dengan menge提epikan perbezaan pendapat dan hanya meletakkan kemakmuran negara sebagai titik fokus.

Dari semasa ke semasa, negara berhadapan pelbagai cabaran. Perpaduan dan inisiatif yang rakyat ambil untuk membangunkan negara terus mengekalkan kesejahteraan dan mengatur langkah ke arah kemajuan. Rasuah merupakan satu cabaran besar kepada negara. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berusaha sedaya upaya untuk membendung gejala ini daripada terus berleluasa.

Tahun 2020 walaupun merupakan tahun mencabar bagi SPM dari segi pelaksanaan operasi dan tangkapan disebabkan pandemik Covid-19, namun beberapa siasatan kes



KETUA Setiusaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali (dua dari kiri) ditemui bual radio MACC.FM di Kuala Terengganu, Terengganu baru-baru ini. Turut kelihatan Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Azam Bakri (kanan). - UTUSAN/PUQTRA HAIRY

berprofil tinggi berjaya dilakukan termasuk melibatkan bekas perdana menteri yang menyaksikan keputusannya. Kes-kes rasuah dan salah guna kuasa melibatkan pengarah syarikat, pegawai kanan di kementerian dan beberapa lagi kes yang menarik perhatian umum juga berjaya didakwa di mahkamah.

TEROWONG

Antara kes yang menarik perhatian umum termasuklah penahanan bekas pegawai tinggi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) bagi membantu siasatan kes rasuah projek terowong, penahanan seorang bekas ketua penolong setiausaha sebuah kementerian kerana disyaki menerima rasuah bagi satu tender kementerian dan penahanan setiausaha politik bekas Menteri Pertahanan untuk membantu siasatan rasuah membabitkan projek secara rundingan terus di kementerian tersebut bernilai lebih RM56 juta.

Namun, boleh dikatakan rasuah masih lagi tidak dapat dibanters sepenuhnya.

Ini mungkin disebabkan mentaliti masyarakat yang menganggap usaha pembanterasan rasuah hanya terletak di bahu SPRM. Rakyat beranggapan, mereka hanya perlu menjadi pemerhati dan menggunakan platform media sosial sebagai medan untuk menyuarakan pendapat dan ketidakpuasan terhadap isu rasuah dan siasatan serta prosiding mahkamah melibatkan kes terbabit.

Sekarang lebih terperinci, apabila timbul sahaja isu rasuah, semua orang akan menuduh jari ke arah SPRM. SPRM merupakan sebuah agensi pencegahan rasuah dengan hanya lebih kurang 2,000 pegawai yang bertanggungjawab lumus dalam menjalankan tanggungjawab menyiasat kesalahan rasuah di setiap pelosok negara dan membawa pesalah tersebut ke muka pengadilan.

Hanya dengan sokongan dan kerjasama orang ramai kepada SPRM, negara dapat dibebaskan daripada cengkaman jenayah rasuah. Setiap individu perlu berusaha dan memainkan peranan masing-masing untuk membasmikan rasuah.

“Beberapa siasatan kes berprofil tinggi berjaya dilakukan termasuk melibatkan bekas perdana menteri yang menyaksikan keputusannya.”

Niat dan usaha bersama seperti ini sahaja mampu melindungi negara daripada ancaman rasuah. Bagi membawa mereka yang terlibat dengan jenayah rasuah ini ke muka pengadilan, bukti-bukti kukuh yang diperoleh dengan kerjasama orang ramai perlu dilapor oleh penyiasat SPRM semasa proses pendakwaan.

Sekiranya setiap orang mula menyermai pemikiran seperti itu dalam diri mereka, perubahan individu ini akan lama kelamaan akan menjadi sebagai perubahan dalam masyarakat, seterusnya

perubahan seluruh negara. Perubahan ini pasti akan membolehkan negara menjadi lebih makmur dan bersedia mengharungi banyak cabaran di persada antarabangsa.

JALAN PINTAS

Sementara itu, rakyat harus mengubah corak pemikiran sekiranya melakukan sesuatu kesalahan atau kesilapan, ia boleh ditutup dengan menyalurkan wang ringgit sebagai rasuah. Idea boleh mempengaruhi keputusan seseorang supaya memihak kepada kita dengan menyokok pembuat keputusan itu juga perlu diketepikan sepenuhnya. Inilah yang menyebabkan wujudnya budaya rasuah secara meluas. Seterusnya ia juga menjadi ancaman buruk kepada negara.

Seorang pegawai yang menjalankan tugasnya secara adil tidak perlu disogok untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Apa-apa tindakan yang dilakukan di bawah lunas undang-undang dan mereka yang melakukannya tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Masalah rasuah hanya timbul apabila seseorang itu cuba mengambil jalan pintas untuk melakukan sesuatu dengan hanya mementingkan diri sendiri.

Justeru, ketika kita menyambut tahun baharu dengan fikiran jernih dan hati murni, marilah kita terus membasmikan penyakit sosial bernama rasuah dan meraikan 2021 dengan penuh gembira. Tahun baharu ini jadikan keazaman tinggi di setiap peringkat masyarakat untuk menolak apa sahaja perbuatan rasuah dan menjadikan ia sebagai budaya masyarakat Malaysia tidak bertoleransi dengan amalan jijik rasuah. Masyarakat bebas rasuah adalah masyarakat yang ideal dan seimbang. Negara yang bebas rasuah adalah negara yang makmur.

PENULIS ialah Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).